

BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



BIL: 2/2000

ISSN 012-5912

* JUN-OGOS 2000

KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN *bantu* WARGA KOTA

Selamat pagi Encik/Puan, boleh saya tolong?
Saya sudah mohon rumah sejak tahun 1996, tapi masih belum dapat.
Saya daftar untuk sewa rumah sudah lima tahun, tapi jawapan tidak pernah dapat.
Saya mahu membeli rumah kos rendah, di mana boleh dapat borang?
Saya dapat tawaran beli rumah di Kepong, saya bekerja di Cheras. Saya mahu tukar kawasan berhampiran tempat kerja.
Saya sudah lama memohon rumah awam, tapi tidak dapat? Orang lain baru daftar, tapi dia sudah dapat.
Giliran saya bila lagi?
Berapa gaji?
RM500 sebulan.
Isteri bekerja?
Tidak bekerja.
Berapa ramai anak?
Satu orang.

Antara dialog yang ditemui ketika bertemua dengan Kaunter Pelanggan di Tingkat Bawah, Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL, No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman. Kaunter itu mula diperkenalkan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan, Haji Salleh Yusup, sejak awal Jun 2000 untuk memudahkan warga kota berurusan dengan Jabatan Pengurusan Perumahan khususnya dan DBKL pada amnya. Ia dibuka pada waktu pejabat jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang dan seorang kaki-tangan bertugas setiap dua jam ikut giliran.



Haji Salleh Yusup berinteraksi dengan warga kota di Kaunter Khidmat Pelanggan

Haji Salleh Yusup memberitahu, kaunter ini diwujudkan untuk memudahkan orang ramai datang berurusan ke pejabat dan memberi penjelasan, jawapan dan bantuan kepada masalah yang dihadapi mereka dengan efisien dan segera. Jika boleh selesaikan masalah mereka dari awal-awal lagi, tidak perlu naik turun pejabat, kecuali kes-kes tertentu.

Petugas kaunter bertindak sebagai Pegawai Perhubungan Awam, memberi penerangan berkaitan bahagian-bahagian dan membantu menunjuk arah pelanggan. Di samping itu membantu pelanggan yang bermasalah dalam mengisi borang-borang permohonan yang dikeluarkan oleh jabatan," ujar Haji Salleh Yusup.

DARI MEJA PENGARAH

KEDIAMAN SELESA YANG MENJADI IDAMAN

Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL perlu meningkatkan imejnya dalam mengharungi era peralihan globalisasi dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Perkhidmatan yang cekap dan berkesan amat diperlukan oleh warga kota sesuai dengan pemodenan yang sedang melanda Kuala Lumpur khususnya dan negara amnya. Kakitangan JPP seharusnya berubah menjadi lebih cekap, produktif, dinamik, progresif serta bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan melampaui tugas biasa demi kepentingan rakyat.

Selain pemodenan yang dilakukan menerusi teknologi maklumat, JPP juga perlu memastikan ia dapat mengekalkan kewibawaan, bertanggungjawab dan kekal telus serta boleh dipercayai oleh orang ramai. JPP telah berusaha keras ke arah mewujudkan urus tadbir yang baik sejak sekian lama supaya warga kota mendapat perkhidmatan yang lebih baik. Matlamat seumpama itu amat penting sebagai maklum balas terhadap keperluan dan aspirasi warga kota itu sendiri berhadapan dengan masalah itu sendiri.

Kejayaan berterusan perkhidmatan kakitangan JPP akan bergantung kepada memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada orang ramai setiap hari. Kakitangan JPP perlu bersedia menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka dan perubahan itu harus mengikut keperluan negara.



Kakitangan JPP harus mampu menunjukkan profesionalisme yang tinggi dalam perkhidmatan awam berasaskan urus tadbir organisasi yang baik. Mereka juga perlu peka dengan perubahan yang berlaku kerana orang ramai sedang menyaksikan apa yang kita lakukan selama ini dan membuat perbandingan dengan tempoh sebelum ini serta menggunakan kayu ukur organisasi lain.

TUAN HAJI SALLEH YUSUP
Pengarah
Jabatan Pengurusan Perumahan

Golongan remaja yang berusia antara 15 tahun hingga 24 tahun di Perumahan Awam DBKL diingatkan supaya menjauhkan diri daripada kegiatan negatif, tidak sihat atau tidak bermoral kerana ia boleh membawa keruntuhan akhlak serta menjejaskan pelajaran dan masa depan mereka. Mereka bakal menjadi pemimpin dan agen perubahan kepada masyarakat Perumahan Awam DBKL dan adalah sesuatu yang menyedihkan sekiranya mereka terlibat dalam aktiviti antisosial.

Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan, Haji Salleh Yusup berkata, antara tabiat negatif yang perlu dihindarkan ialah menghisap rokok, jenayah, lepak, gangsterisme, dadah, berpuak-puak, vandalisme dan bergaduh. Seharusnya golongan remaja dapat mengawal diri daripada sebarang kegiatan yang boleh menjejaskan masa depan mereka serta memusnahkan harapan tinggi orang tua mereka.

"Seharusnya peluang dan ruang yang diberikan untuk mereka menghadiri Khemah Remaja ini tidak dipersia-siakan dengan begitu sahaja. Pengurusan masa yang teratur menjadi faktor yang akan menentukan kejayaan selain rajin berusaha untuk meningkatkan kualiti," katanya ketika berucap merasmikan Perkhemahan Remaja Perumahan Awam DBKL di Dusun Eco Resort, Bentong, Pahang, baru-baru ini.

Beliau berkata, Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL melalui Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Sosial memperuntukan perbelanjaan lebih RM500,000 setahun bagi merancang pelbagai program dan aktiviti kemasyarakatan di perumahan awam, bertujuan bagi mewujudkan masyarakat rumah pangsa yang dapat hidup dengan selesa dan harmoni. Dengan adanya program perkhemahan remaja seperti ini maka ia sangat berguna kerana

REMAJA

sebagai Agen Perubahan

serba sedikit dapat membantu para peserta dalam menghadapi peperiksaan pada akhir tahun ini.

"Saya berharap agar para peserta tidak mensesiakan peluang ini demi untuk kebaikan diri, harapan ibu bapa dan keluarga supaya ia menjadi contoh atau *role model* kepada rakan-rakan yang lain," ujar Haji Salleh.

"Jabatan Pengurusan Perumahan sering menghadapi masalah yang serius berkaitan dengan perbuatan vandalisme dan masalah sosial yang semakin ketara terutamanya di kalangan anak-anak remaja penghuni rumah pangsa. Masalah yang paling utama ialah banyaknya harta-harta DBKL dan kemudahan-kemudahan awam dirosakkan juga dengan perbuatan-perbuatan tidak sihat seperti merosakkan lif dengan sengaja.

"Butang-butang lif dicabut dan dibakar, peti-peti surat dimusnahkan dan peralatan-peralatan taman kanak-kanak dikopak dan sebagainya. DBKL terpaksa membelanjakan berjuta-berjuta ringgit untuk membaiki segala kerosakan ini. Sekiranya harta awam ini dimusnahkan ia akan menyusahkan adik-adik dan keluarga sendiri serta penyewa-penyewa lain," ujar Haji Salleh.

"Dinding-dinding bangunan diconteng dengan perkataan-perkataan yang kotor dan lucah dan ini akan mengotorkan bangunan. Mahukah kita duduk dalam keadaan yang tidak selesa dan menjijikkan. Masalah pembuangan sampah merupakan masalah utama di rumah-rumah."

"Para peserta tidak dibenarkan sama sekali membuang sampah sesuka hati. Mereka harus melalui saluran yang betul melalui bin atau koridor. Jika adik-adik melihat jiran atau kawan-kawan melakukan perbuatan demikian, maka wajar adik-adik menegurinya. Bayangkan sekiranya objek yang dibuang ke bawah terkena kepala orang lain, seperti kes yang berlaku di Putra Ria sehingga m e n y e b a k a n kematian, andaikata objek yang dibaling itu terkena kepala ayah atau ibu atau keluarga kita sendiri. Tentu adik-adik akan menyesal seumur hidup," ujar Haji Salleh Yusup.

Beliau memberitahu, Bahagian Penguatkuasaan Perumahan selalu menjalankan Operasi Teropong di kawasan-kawasan rumah pangsa DBKL, sekiranya penghuni ditangkap semasa sedang membuang sampah atau apa-apa objek ke bawah bangunan, maka penghuni akan didenda kompaun sebanyak RM500 maksima.

Beliau berharap para peserta mengubah sikap kepada sikap cintakan tempat tinggal kita dan menjaga kebersihan persekitaran supaya menjadi lebih selesa. Walaupun mereka tinggal di rumah pangsa atau di rumah panjang, anggaplah ia sebagai rumah sendiri dan sayangi tempat tinggal itu.

Kumpulan Abu Sayyaf yang menculik 21 orang di pulau pelancongan Sipadan di Sabah dan dilarikan ke Pulau Jolo, Filipina, berjaya menarik perhatian para peserta untuk dijadikan nama kumpulan mereka. Nama-nama lain yang mendapat perhatian mereka ialah Remaja Alaf Baru, Dinamik, X-Factor, Intellectual, Millenium Boy, New Skin, dan Adventure Team.

Seorang peserta yang ditemui, Siti Nor Adhlina bt Ahmad Roslan, pelajar tingkatan lima di SM Convent Jln. Peel, memberitahu Khemah Remaja itu dapat membantu beliau dalam meningkatkan kecemerlangan dalam peperiksaan SPM yang akan berlangsung tidak lama lagi.

"Khemah ini memberi peluang kepada para peserta belajar mengenai nilai positif dan negatif diri sendiri. Di samping itu mendapat kawan baru, mereka juga dapat belajar berdikari dan mencari pengalaman baru," ujar Siti Nor Adhlina, nombor tiga dari pada empat adik beradik yang tinggal di Sri Sabah 3A, Cheras dan sudah lima kali menghadiri kem motivasi.

Peserta itu mencadangkan supaya kursus perkhemahan remaja dapat diadakan pada setiap cuti penggal. Pelajar itu bercita-cita menjadi Akauntan, aktif dalam Kadet Remaja, Pembimbing Rakan Sebaya dan Kelab Pengguna. Dalam sukan, dia bermain hoki mewakili sekolah.

Penghulu Khemah Remaja, Mohd Nazree Razak, 15, pelajar SM Bandar Tun Razak, Jalan Tenteram yang akan mengambil peperiksaan PMR, memberitahu menghadiri Khemah Remaja memberi pengajaran dan lebih pengetahuan, bersatu padu dalam kumpulan, serta dapat mengelakkan diri daripada gejala tidak sihat seperti budaya lepak, dadah dan gangsterisme. Bapanya yang bertugas sebagai tukang masak di Kem Tentera di Puchong dan tinggal di Sri Kota, Cheras.

Anak bungsu daripada tiga beradik itu aktif dalam sukan Softball hingga peringkat MSSKL, bola baling peringkat Zon Pudu serta aktif dalam Kadet Remaja.

Akibat tertangkap menghisap rokok di asrama lelaki, satu kumpulan seramai sembilan orang didenda berendam dalam kolam selama lima minit oleh Jurulatih Kursus, Encik Zainuddin Sohor setelah mendapat kebenaran daripada Haji Omar Muhammad.

Seramai 80 orang terpilih untuk menghadiri Program Perkhemahan Remaja yang dianjurkan oleh Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL. Adik-adik sepatutnya merasa bangga kerana telah terpilih, dan ramai lagi kawan adik-adik yang tidak terpilih dalam program pada kali ini. Oleh itu saya harap adik-adik semua tumpukanlah perhatian kepada setiap apa yang akan disampaikan dalam kursus ini nanti.



Siti Nor Adhlina bt Ahmad Roslan



Peserta Khemah Remaja perlu bekerjasama mengatasi halangan untuk berjaya

LEPAK Bukan Isu yang serius

Berdasarkan kajiilidik sebuah universiti tempatan didapati penyewa-penyewa Perumahan Awam DBKL menyedari beberapa masalah yang melanda mereka sejak sekian lama. Seramai 62.3 peratus menyedari wujudnya masalah lepak di rumah pangsa, diikuti 61.1 peratus menconteng bangunan, 60.3 peratus kecurian, 51.6 peratus membuang objek terbang dan 51.2 peratus vandalisme. Mereka juga berhadapan dengan masalah dadah 38 peratus, pergaulan bebas 34.1 peratus, gangsterisme 27.9 peratus, membuli 19.2 peratus, gangguan seksual 9.8 peratus dan lain-lain masalah sebanyak 3.5 peratus.

Tetapi seorang remaja yang ditemui, Nor Aziah Mohd Ramli dari Sri Sarawak tidak pernah membuat tanggapan isu lepak di Perumahan Awam DBKL sebagai masalah yang serius, namun ia perlu diberi perhatian yang segera oleh semua pihak. Beliau berkata, berbanding 5 tahun lalu, isu lepak di kalangan remaja 50 peratus berkurangan.

Baginya isu lepak di kalangan golongan remaja boleh dikaitkan dengan habit suka membuang masa dan berlagak macam orang dewasa, merokok dan ponteng sekolah. Mereka yang melakukan aktiviti tidak sihat perlu didekati supaya dapat melakukan aktiviti positif kepada masyarakat. Sudah pasti ada produk, ada hasil lahir daripada kegiatan yang berguna kepada orang ramai. Menurutnya setidak-tidaknya golongan belia perlu mencapai objektif 50% aktif dan menggunakan masa mereka sepenuhnya.

Kenapa remaja tidak bercampur dalam aktiviti sihat, melibatkan diri dengan persatuan dan sukan, beliau mengenalpasti beberapa masalah seperti ibu bapa tidak membenarkan anak-anak mereka bercampur gaul dengan rakan sebaya, bersikap terkongkong, lebih suka anak-anak mereka berkawan dengan orang luar kawasan perumahan seperti teman sekolah kerana mempunyai tanggapan negatif dengan jiran terdekat.

Beliau memberitahu, terdapat penduduk perumahan awam tidak faham matlamat dan objektif persatuan penduduk dan aktiviti yang dilaksanakan di kawasan masing-masing. Mereka lebih suka memberi keutamaan kepada hal peribadi, keluarga dan mengabaikan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat serta kurang berminat dalam aktiviti berpersatuan. Sementara itu sebahagian penduduk lagi tidak mendapat maklumat sebenar atau penjelasan tidak sampai kepada mereka menyebabkan mereka terpinggir.

Nor Aziah sebagai anak warga rumah pangsa dan dibesarkan di kawasan yang sama sejak lebih dua dekad lalu, beliau lebih bersikap positif dalam menghadapi isu lepak di kalangan remaja kerana dia sebahagian daripada mereka. Bagi meng-

isi masa lapang di hujung minggu dan selepas waktu pejabat beliau banyak terlibat dengan aktiviti persatuan penduduk, belia dan sukan.

Pembantu Perakaunan di Mimos itu sejak di bangku sekolah rendah lagi aktif dan melibatkan diri dengan kegiatan persatuan penduduk seperti ceramah, kursus, sukan dan kebudayaan. Beliau merupakan pemain bola jaring yang berpotensi, dikir barat, boria, dan lain-lain bidang seni.

"Isu lepak di perumahan awam boleh diatasi atau dikurangkan dengan melibatkan mereka aktif dalam persatuan, aktiviti surau dan sebagainya. Dengan adanya kerjasama persatuan penduduk, badan bukan kerajaan (NGO's), surau dan DBKL banyak aktiviti yang sihat boleh diatur untuk kebaikan bersama," ujar Cik Nor Aziah.

"Rumah kelab boleh dijadikan sebagai rumah kedua kerana banyak aktiviti dijalankan di sini dan mereka boleh memiahkan aktiviti yang dilaksanakan. Rumah kelab dibuka 6 hari seminggu dari jam 2.00 petang hingga 11.00 malam untuk mereka mengisi masa lapang dan merapatkan silaturahmi antara penghuni," katanya.



Gotong royong dapat melahirkan semangat kekitaan di kalangan remaja

"Suasana sekarang agak berbeza. Dulu budak-budak suka bergaduh, terlibat dengan gangsterisme, tetapi sekarang mereka menagih najis dadah, lepak di kaki lima atau di tanah lapang," ujar orang kuat persatuan belia itu.

"Saya seronok tinggal di rumah pangsa. Pergaulan dengan jiran tetangga tidak jadi masalah, kami hidup penuh mesra dan saling hormat menghormati. Keadaan telah banyak berubah, sanak saudara dan kaum keluarga duduk berasingan atau tinggal di kampung, maka jiran tetangga menjadi tempat mengadu dan menyelesaikan masalah. Mereka sedia memberi bantuan apabila kita ditimpa kesusahan seperti wanita hendak bersalin, berlaku kemalangan, sakit tenat. Apabila kita balik kampung, jiran sedia membantu mengawasi keselamatan rumah kita. Begitu juga mengawasi anak-anak yang masih bersekolah terutama bagi ibu bapa yang bekerja," katanya.

"Pernah terjadi kebakaran dalam unit, sedangkan penghuni pergi bekerja dan anak-anak ke sekolah, jiran merupakan orang pertama datang membantu memadamkan kebakaran sebelum kedatangan

anggota bomba dan penyelamat," ujar gadis manis itu.



Mohd Ramli Bidin

Sementara itu Setiausaha Persatuan Penduduk Sri Sarawak, Encik Mohd Ramli Bidin, 48 tahun, yang tinggal di 18D Blok B Sri Sarawak tidak bersetuju dengan pendapat menyatakan isu lepak merupakan masalah yang serius di perumahan awam. Isu itu memang wujud, tetapi tidak sampai ke paras yang bahaya dan mengancam keselamatan penduduk. Kebanyakan golongan remaja terlibat dengan aktiviti lepak kerana tiada atau kurang tempat bermain, bilangan ahli keluarga yang ramai tidak memungkin anak-anak muda ini berehat di unit masing-masing.

Beliau yang dilahirkan di Kampung Brisu, Melaka, dan memiliki 4 orang anak yang masih remaja dan berumur antara 13 tahun hingga 23 tahun akur dengan masalah kurang tempat permainan memungkin sesetengah remaja lebih senang lepak di kaki lima dan dataran (tanah lapang) sama ada siang atau malam. Namun tidak ada padang permainan, dewan boleh dijadikan sebagai pusat aktiviti indoor game seperti karom, dart, cator dan ping pong. Selain itu sukan tradisional seperti congkak boleh dikembangkan di kalangan remaja supaya mereka tidak lupa dengan warisan bangsa.

"Isu lepak ini jika tidak ditangani dengan bijak ia akan merebak kepada aktiviti tidak sihat seperti vandalisme. Jika dibiarkan, lepak juga boleh menjadi ikutan budak-budak sekolah," ujar Encik Ramli Bidin yang bertugas di Hospital Universiti Petaling Jaya dan terlibat dengan program perpindahan dari setinggan Kg Kerinchi pada 1 Mei 1980.

Katanya, vandalisme membawa kerugian yang besar kepada DBKL dan penduduk kerana banyak harta awam musnah dengan sia-sia yang sepatutnya tidak berlaku. Mereka yang tidak bertanggungjawab melakukan vandalisme kerana melepaskan geram dan seronok ikut perangai kawan-kawan yang tidak bertanggungjawab. Mereka kononnya bangga menggoyakkan peti surat, memecahkan pintu koridor untuk memudahkan mereka lepak.

Namun dengan adanya aktiviti yang diaturkan oleh persatuan penduduk dengan kerjasama DBKL dan badan-badan bukan kerajaan, isu lepak dapat dikurangkan daripada menjadi isu yang besar dan merosakkan masyarakat. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk pertandingan nasyid, drama, forum agama, street soccer dan indoor game.

Beliau yang pernah bertugas sebagai pengawal keselamatan dan bekerja di kilang pemasangan kereta itu juga mencadangkan Penjaga Angkat bergerak lebih aktif supaya dapat mengatasi isu lepak dan aktiviti yang tidak sihat di kalangan remaja.



Nor Aziah Mohd Ramli

BOLA JARING

SAMBUTAN DI LUAR DUGAAN

Dalam pertandingan bola jaring baru-baru ini, pasukan Vogue dari P.A. Sri Perak Bandar Baru Sentul berjaya menjadi johan. Tempat kedua dimenangi oleh Pasukan Pro-Teen dari P.A. Sri Melaka. Manakala Pasukan P.A. Sri Sarawak mendapat tempat ketiga. Tempat keempat disandang oleh Pasukan Charges dari Projek Perumahan Rakyat (PPR), Gombak Setia.

Sememangnya menjadi hasrat DBKL mewujudkan masyarakat penghuni perumahan awam yang aktif, dinamik dan cergas. Program dan aktiviti berbentuk sukan yang dilaksanakan oleh DBKL khususnya Jabatan Pengurusan Perumahan sentiasa mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan di luar dugaan di kalangan penghuni perumahan awam.

Kejohanan telah dijalankan mengikut dua peringkat iaitu peringkat Zon dan peringkat akhir. Bagi pertandingan peringkat Zon acara dimulai dengan peringkat Zon 2 yang telah diadakan pada 2 April 2000 di kawasan P.A.

Sri Selangor, Jalan San Peng Peringkat Zon 3 telah diadakan pada 9 April 2000 di P.A. Sri Perak, Bandar Baru Sentul. Peringkat Zon 4 diadakan pada 16 April 2000 di kawasan PPR Gombak Setia. Dan diakhiri dengan peringkat Zon 1 pada 1 Mei 2000 bertempat di Komplek Belia, Jalan Cheras.

Diharapkan penglibatan seluruh anggota masyarakat terutamanya belia-belia supaya bergiat cergas dalam pelbagai aktiviti masyarakat dan kesukanan agar dapat mengurangkan vandalisma, gangsterism, jenayah dan lekak di perumahan awam.

Dengan adanya program kesukanan yang dirancang sedemikian rupa akan memberi banyak manfaat dan menimbulkan kesedaran sivik yang tinggi kepada masyarakat penghuni perumahan awam.

Dengan ini mereka akan dapat memberi kerjasama dalam menangani masalah vandalisma seperti merosakan alat-alat bantu mula bomba, bilik meter TNB, bilik telefon riser, kejadian membakar butang-butang lif, tong sampah dan sebagainya.



KHEMAH REMAJA

di Dusun ECO Resort, Bentong, Pahang



SELAMAT DATANG PESERTA-PESERTA KURSUS
PERKHEMAHAN REMAJA PERUMAHAN AWAM DBKL
JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN

27 MEI - 30 MEI 2000
 DUSUN ECO RESORT
 BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR
 ANJURAN BERSAMA JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN DBKL &
 N. R. MANAGEMENT CONSULTANT



Penolong Pengarah, Haji Omar Muhamad memberitahu, program perkhemahan remaja serba sedikit akan dapat memberikan kesedaran terhadap para peserta supaya menjadi warga kota yang bertanggungjawab dan berdisiplin. Melalui program perkhemahan selama 4 hari ini DBKL telah membelanjakan lebih kurang RM30,000 dan purata perbelanjaan untuk seorang sebanyak RM375.00. Para peserta diharapkan tidak mensia-siakan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi ini untuk memartabatkan diri supaya menjadi warga kota yang berguna dan berjasa kepada keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Menurut beliau yang menjadi Pengarah Khemah Remaja itu, semua peserta sepatutnya merasa bangga kerana telah terpilih dalam program. Diharapkan ilmu yang diperolehi melalui program perkhemahan ini digunakan dengan sebaik mungkin. Semoga setiap ilmu yang telah diterapkan dapat membantu dalam membentuk ketahanan mental serta nilai-nilai yang lebih baik, di samping menjadi insan yang sempurna.

Ketika ditemui oleh penulis beliau berkata, Jabatan Pengurusan Perumahan menghadapi

masalah yang serius berkaitan dengan vandalisma dan masalah sosial yang semakin ketara terutamanya di kalangan anak-anak penghuni rumah pangsa seperti gejala bohan, kegiatan lepak, penagihan dadah, hidu gam, samseng, gangsterism, ponteng sekolah, perbuatan tidak menghormati guru dan ibu bapa. Masalah yang paling utama ialah vandalisma, harta-harta DBKL dan kemudahan-kemudahan awam dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab yang melibatkan kerugian sebanyak RM5.7 juta.

"Perbuatan vandalism seperti dinding-dinding bangunan telah diconteng, menconteng motosikal, pecah rumah, memusnahkan harta benda awam, telefon awam, taman permainan kanak-kanak dan sebagainya. Ini akan mengotorkan pandangan dan rumah pangsa. Mahukah kita duduk dalam keadaan yang tidak selesa dan kotor? Masalah sampah juga merupakan masalah utama di rumah-rumah pangsa. Warga flet tidak dibenarkan sama sekali membuang sampah sesuka hati sama ada melalui varanda atau koridor."

"Jika mereka melihat jiran atau kawan-kawan melakukan perkara-perkara yang tidak

senonoh, maka mereka perlu menegurnya. Bayangkanlah jika objek yang kita buang ke bawah dan terkena kepala orang lain, sehingga menyebabkan kematian. Sekiranya objek yang kita baling itu terkena kepala ayah atau ibu atau keluarga kita sendiri, tentu mereka yang terlibat akan menyesal tak sudah atas perbuatan itu," ujar Haji Omar Muhamad.

Beliau berharap semua peserta mengubah sikap yang buruk kepada sikap cintakan tempat tinggal masing-masing dan bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran tempat tinggal. Walaupun mereka tinggal di rumah pangsa atau di rumah panjang, anggaplah ia sebagai rumah sendiri dan sayangi tempat tinggal buat selama hayat.

Seramai 79 peserta remaja yang tinggal di Perumahan Awam DBKL dan bakal menduduki peperiksaan SPM/PMR tahun 2000 telah diberi peluang menghadiri Kem Remaja di Dusun Eco Resort, Bentong, selama empat hari yang dianjurkan oleh Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL dengan kerjasama NR Management Consultant.

OPS PELEKAT ATASI KESESAKAN KENDERAAN

Wan Abdullah Ghani


DBKL mengeluarkan sebanyak 552 notis kompaun antara 23 Mei-09 Jun 2000 dalam Ops Pelekat Kereta yang dilancarkan di beberapa kawasan Perumahan Awam DBKL di bawah Perintah-Perintah Lalulintas Jalan 1969/1984 iaitu ingkar mematuhi papan tanda dan isyarat di tempat letak kereta Perumahan Awam DBKL.

Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Pengurusan Perumahan, Encik Othman Johari berkata, Ops Pelekat Kereta yang berterusan bertujuan menyekat orang luar meletakkan kereta di kawasan Perumahan Awam DBKL. Bas-bas sekolah, bas pesiaran, lori-lori tangki dan kenderaan berat yang lain dilarang meletakkan kenderaan masing-masing di kawasan Perumahan Awam DBKL.

Tindakan mengeluarkan notis kompaun itu adalah untuk menyedarkan penyewa rumah pangsa betapa pentingnya pelekat kereta bagi mereka sebagai membezakan kereta orang luar dengan penyewa yang menyimpan kereta secara percuma di kawasan Perumahan Awam DBKL. Tindakan orang luar itu merugikan penghuni rumah pangsa DBKL yang selama ini mengalami kekurangan tempat letak kereta di kawasan penyewa masing-masing.

"Selain penyewa rumah pangsa yang memiliki kereta terdapat juga orang luar yang tinggal di sekitar kawasan perumahan awam ada kemudahan stesyen LRT, turut meletakkan kereta mereka, kerana tempat letak kereta kawasan perumahan

awam tidak dikenakan sebarang bayaran. Keadaan ini menjadikan perumahan awam bertambah sesak dengan kereta di samping boleh mewujudkan masalah kekurangan tempat letak kereta," ujar Encik Othman Johari.



Pemilik kereta yang meletakkan kereta di kawasan perumahan awam tanpa pelekat

"Ops Pelekat yang dijalankan itu bertujuan menyedarkan penyewa perumahan awam betapa pentingnya peranan pelekat dalam mengawal masalah tempat letak kereta yang bertamabah kronik sejak akhir-akhir ini. Di samping itu beliau berharap agar dapat mengurangkan habit orang luar yang dengan sengaja mengambil kesempatan meletakkan



Othman Johari

kereta mereka di kawasan perumahan awam," jelas Encik Othman Johari.

Menurutnya, DBKL tidak pernah memilih kawasan dan akan membuat ops pada bila-bila masa yang difikirkan perlu, terutama kalau mendapat aduan awam, sama ada melalui radio, akhbar, telefon atau datang sendiri ke pejabat.

Dalam operasi tersebut juga, katanya, DBKL akan menjelaskan kepada warga flet betapa pentingnya mereka memiliki pelekat kereta. Dengan adanya operasi itu, Encik Othman Johari berharap warga flet akan mengikut peraturan yang dikuatkuasakan oleh DBKL demi kebaikan mereka semua. Sejak operasi pelekat kereta di-lancarkan, warga flet lebih berdisiplin dan mempunyai perasaan tanggungjawab.

Beliau berkata, warga flet yang mempunyai kereta boleh mendapatkan pelekat kereta, sama ada datang sendiri ke pejabat zon dengan bayaran RM4.00 untuk sekeping pelekat bagi tempoh dua tahun. Mereka perlu membawa salinan geran kereta, kad pengenalan dan kad penyewaan rumah DBKL.

Sementara itu tiap-tiap ketua penyewa hanya dibenarkan memiliki satu pelekat kereta, walaupun mereka mempunyai kereta melebihi daripada satu, kerana kekurangan tempat letak kereta yang disediakan. Di samping tempat letak kereta DBKL juga ada menyediakan kemudahan lain seperti taman permainan kanak-kanak dan lanskap bagi mengindahkan kawasan sekitar.

Tidak dinafikan terdapat penyewa yang mempunyai empat kereta seperti yang berlaku di kawasan Perumahan Awam Sri Johor kerana anak-anak yang berjaya dalam bidang akademik dan ekonomi masih lagi tinggal di situ bersama ibu bapa mereka. Sepatutnya mereka yang berjaya meningkatkan status dan melepasi garis kemiskinan tidak tinggal di situ, tetapi berdikari dan tinggal di kawasan elit sesuai dengan status mereka.

Mereka yang mempunyai lebih daripada satu kereta atau mempunyai kereta mewah, sudah sepatutnya mempunyai rumah sendiri dan berpindah ke kawasan lain demi memberi laluan kepada mereka yang benar-benar memerlukan rumah kediaman untuk golongan yang berpendapatan rendah dan baru berhijrah ke Kuala Lumpur. Malangnya mereka begitu liat untuk meninggalkan Perumahan Awam DBKL kerana keselesaan dan bayaran sewa yang rendah, di samping tempatnya yang strategik hampir dengan pusat bandar dan selesa.

Beliau memberitahu, bagi mereka yang datang melawat kaum keluarga atau kawan-kawan di Perumahan Awam DBKL, perlu mendapatkan pelekat kereta sementara untuk tempoh tiga hari. Jika gagal, mereka juga boleh dikenakan kompaun sama seperti penyewa-penyewa yang lain. Untuk mengelakkan mereka daripada tindakan penguatkuasaan ada baiknya mereka menggunakan pelekat kereta sementara yang boleh didapati di pejabat kecil perumahan yang berdekatan tempat yang mereka kunjungi.



Papan tanda memberitahu penyewa rumah pangsa menyatakan keperluan pelekat kenderaan, namun masih ada yang tidak prihatin dan engkar



Pendidikan Agama

Siri Kesepuluh

Oleh Abdul Latif bin Haji Idris
Pengerusi Lembaga Pentadbir dan Pengasas
SRA Al-Ridhwan, Sri Pulau Pinang.

Menjaga dan Mempertahankan HARGA DIRI

Pengertiannya

Yang dimaksudkan dengan menjaga dan mempertahankan kehormatan diri ialah bahawa "seseorang itu memelihara dirinya dari bencana sama ada bersebab dari orang lain atau dirinya sendiri, terutama dalam hal yang melanggar perintah Allah".

Setiap orang Islam diwajibkan oleh Allah memelihara dirinya dari bencana kemurkaan Allah, yang menyebabkan ia terjerumus ke lembah kehinaan.

Allah berfirman dalam surat Attahriim ayat 6 yang bermaksud:

Wahai segala orang yang beriman, peliharalah dirimu dan juga keluargamu dari api neraka.

Dari keterangan ayat di atas, kita dapat memahami bahawa Allah telah memerintahkan kepada setiap orang yang beriman supaya menjaga diri dan keluarganya dari api neraka. Maksud api neraka dalam ayat ini ialah siksaan dan bala dari Allah akibat perbuatan maksiat yang ia lakukan, sama ada siksaan dan bala ini akan diterimanya di dunia ini ataupun di hari akhirat nanti.

Setiap orang yang masuk ke dalam neraka sudah tergolong kepada orang yang dihina oleh Allah, dengan demikian harga atau kehormatan dirinya sudah tiada lagi. Kerana itu memelihara diri dari api neraka, bererti memelihara diri dari melakukan perbuatan yang boleh menjatuhkan manusia ke lembah kehinaan.

Untuk mengelakkan diri dari jatuh ke lembah kehinaan, Allah memberi perhatian kepada manusia melalui firmanNya, supaya memelihara diri dari api neraka, bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk keluarga, kerana keluarga itu adalah termasuk dalam tanggungjawab pimpinan keluarganya. Setiap sesuatu yang dipertanggungjawabkan kepada kita akan ditanya nanti oleh Allah, sampai di

mana kita sudah melaksanakan tugas, untuk memelihara orang yang dipertanggungjawabkan kepada kita itu.

Oleh yang demikian maka Rasulullah selalu berdoa kepada Allah supaya menjauhkan dirinya dari api neraka selepas beliau memohon kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat. Doa yang selalu dibaca oleh Rasulullah itu yang membawa maksud:

Ya Tuhan kami, berilah kami kebahagiaan di dunia dan kebaikan diakhirat," dan peliharalah kami daripada api neraka.

Faedah mempertahankan harga diri.

- Bila seseorang tidak memelihara kehormatan dirinya, bererti ia telah dengan sengaja menjatuhkan dirinya dari taraf manusia itu adalah terletak pada dirinya.
- Menjaga dan mempertahankan kehormatan diri adalah dapat memelihara seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan maksiat.
- Di samping dapat memelihara diri dari ancaman Tuhan, mempertahankan kehormatan diri juga dapat menimbulkan hormat orang lain kepada kita.
- Dengan memelihara kehormatan diri, seseorang itu akan merasa bahagia dan gembira dalam hidupnya. Tidak ada lagi perasaan gelisah, merasa takut dan sebagainya, kerana ia berjalan di atas kebenaran.

DBKL tidak abakan Pembangunan Warga Rumah Pangsa

Tahun 2000, sejumlah RM 700,000 diperuntukkan kepada program pembangunan dan kemajuan sosial di Perumahan Awam DBKL, pertambahan sebanyak RM200,000 berbanding tahun 1999. Dengan jumlah wang yang besar itu menunjukkan betapa seriusnya usaha DBKL untuk membangunkan aspek kemanusiaan dan kemasyarakatan terhadap penghuni-penghuni perumahan awam.

Penolong Pengarah Kanan, di Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Sosial, Jabatan Pengurusan Perumahan, Encik Zainuddin Md Zain berkata demikian ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Tahun 1999, Jabatan Pengurusan Perumahan memperuntukkan sejumlah RM590,000 untuk aktiviti atau program kemasyarakatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM390,000 diperuntukkan bagi bantuan program sosial di perumahan awam seperti bantuan gotong-royong, sumbangan kepada kelas bimbingan pelajar, sumbangan kepada persatuan-persatuan penduduk, taklimat kehidupan murni pertandingan sukan, kursus-kursus, pertandingan nasyid dan sebagainya. Manakala sebanyak RM100,000 pula dikhususkan untuk program-program keagamaan seperti forum ehwal Islam anjuran Jabatan atau persatuan-persatuan penduduk dan RM100,000 untuk mencetak risalah serta Berita Rumah Kita.

Katanya, Jabatan Pengurusan Perumahan melalui Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Sosial telah merancang berbagai program untuk penyewa serta anak-anak penghuni Perumahan Awam DBKL. Antara program yang dirancang bagi tahun 2000

ialah pertandingan bola jaring, street soccer, pameran serta ceramah antitadakh, program ehwal Islam, pertandingan bersih-bersih, taklimat kehidupan murni, perkhidmatan remaja pada 27 hingga 30 Mei dan yang baru sahaja dijalankan ialah pertandingan nasyid bermula pada 17 Jun dan berakhir pada 22 Julai 2000.

"DBKL memberikan bantuan kewangan serta peralatan untuk aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh Persatuan-Persatuan Penduduk. DBKL juga pada tahun lalu telah memberikan peralatan seperti kerusi, meja mesyuarat, rak dan kabinet fail serta mesin taip elektrik kepada persatuan-persatuan yang aktif dalam kegiatan kemasyarakatan serta banyak membantu DBKL dalam program sosial atau program atas inisiatif persatuan itu sendiri," ujar beliau.

"Jabatan Pengurusan Perumahan turut bekerja sama dengan lain-lain agensi seperti Urusetia Program NADI DBKL yang menyediakan kelas-kelas komputer, Pusat Bimbingan Pelajar, Pustaka Peringatan DBKL yang memberi bantuan menubuhkan perpustakaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, KEMAS yang menguruskan TADIK dan lain-lain pertubuhan bukan kerajaan," katanya.

Menurut beliau, semua ini merupakan tanggungjawab sosial yang menjurus ke arah mewujudkan kawasan perumahan awam DBKL yang selesa, aman, teratur, selamat dan menjadi hasrat murni untuk mendidik penghuni dan melahirkan anak-anak yang cemerlang baik dari aspek duniawi dan akhirat.

Katanya, DBKL akan mengadakan Kursus Kepimpinan Dan Motivasi khas untuk Pengerusi



Zainuddin bin Md. Zain

dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk. Jabatan merasakan sebagai perantara penduduk dan Jabatan Pengurusan Perumahan khasnya dan DBKL amnya, Pengerusi-Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Persatuan-Persatuan Penduduk mempunyai peranan dan tanggungjawab besar untuk sama-sama menggerakkan 'warga perumahan awam DBKL'. Di samping itu membantu mengatasi gejala sosial seperti musnah laku (vandalism), dadah, gangsterism, bahaya kebakaran dan sebagainya bukan sekadar sebagai kumpulan pendesak (pressure group) semata-mata. Beliau berkata, idea serta cadangan-cadangan yang bernas boleh dikemukakan kepada Pejabat-Pejabat Kecil, Pejabat-Pejabat Zon dan ibu pejabat Jabatan Pengurusan Perumahan. DBKL mengharapkan semua pihak seperti Ketua-Ketua Blok dan para Penjaga Angkat Kemudahan Awam turut membantu menyelaras kawasan masing-masing.

"Bila direnung jumlah wang yang sebegitu besar diperuntukkan, DBKL memohon sepenuh komitmen dan penglibatan penghuni serta ahli keluarga terhadap program yang dijalankan oleh jabatan ini supaya adanya impak yang mantap dan mapan terhadap 'warga' perumahan awam DBKL," ujar beliau.

PENGARAH

Jabatan Pengurusan Perumahan


Jabatan Pengurusan Perumahan mendapat Pengarah dan Timbalan Pengarah yang baru dalam penyusunan semula pegawai-pegawai kanan DBKL bermula pada 16 Mei 2000. Haji Salleh bin Yusup, 46, selaku Pengarah menggantikan Puan Halijah Othman yang memegang jawatan tersebut selepas dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan dan Pentadbiran DBKL.

Haji Salleh Yusup mendapat pendidikan awal di SK Parit Samsu, Muar, Johor dan membuat Ijazah Sarjana (MBA Kewangan) di UKM tahun 1987. Beliau memulakan kerjayanya di DBKL dengan bertugas di Unit Setinggan tahun 1978, Unit Penyelarasan Pembangunan tahun 1979-1984, Audit Pengurusan tahun 1984-1989 dan sebagai Timbalan Pengarah di Jabatan Penyelarasan Pembangunan tahun 1989-2000.

Beliau berhasrat untuk menjadikan warga rumah pangsa sejahtera dan selesa dengan meningkatkan fungsi dan menaikkan taraf Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Sosial.

Sebelum ini Haji Salleh Yusup bertugas di Jabatan Perancang Ekonomi dan Kemudahan Sosial. Pengalaman beliau yang luas dijangka dapat memberikan ruang untuk memperkemas lagi pentadbiran. Beliau terlibat dalam pelaksanaan projek penempatan setinggan, penempatan Bumiputra, pembangunan Kg Baru dan pembinaan Bandar baru seperti Wangsa Maju, Bandar Tun Razak dan kawasan Perumahan Awam DBKL. Selain itu beliau selalu berdialog dengan masyarakat dan memujuk setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan supaya berpindah ke kawasan perumahan yang baru.

"Saya terlibat lama dalam perancangan dan pembangunan awam serta kemudahan kemudahan sosial, membuat dasar perumahan, penempatan setinggan bagi mencapai matlamat setinggan sifa pada tahun 2005," ujar Haji Salleh Yusup berkenaan pengalaman beliau di DBKL.



Haji Salleh Yusup

Sebagai pegawai kanan DBKL beliau berbangga dapat berkhidmat dengan empat orang Datuk Bandar Kuala Lumpur sama ada secara langsung dan tidak langsung untuk meningkatkan projek pembangunan dan imej Kuala Lumpur. Beliau juga pernah menghadiri Persidangan Habitat II membincangkan isu alam sekitar di Istanbul, Turki tahun 1996, Organisation Islamic Capital Cities (OICC) di Bahrain tahun 1998 dan Sudan tahun 1999. Persidangan OICC membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh Bandar Bandar Islam di dunia berkaitan dengan perancang Bandar, alam sekitar, pembangunan dan tamadun manusia. Selain itu beliau juga terlibat secara langsung dengan program Kuala Lumpur-OIC Business Partner City tahun 1996 dan 1997.

Beliau juga pernah menggabungkan peranan dan pengalaman pembangunan serta proses urbanisasi bandar-bandar di Asia seperti Singapura, Bangkok, Jakarta, Manila, Phnom Penh, Ho Chi Min City dan Saigon. Selain itu beliau belajar mencari ruang dan peluang untuk mendedahkan Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan, kewangan dan perancangan di Asia Tenggara khususnya dan Asia amnya.

Capital and Cities (OICC) di Tunisia tahun 1992. OICC mempunyai harapan besar dan dapat memainkan peranan dengan lebih wajar untuk memenuhi aspirasi negara anggota-anggota. Sumbangan OICC amat besar dalam menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi negara-negara anggota.

Wawasan beliau ingin melihat warga rumah pangsa mencapai taraf yang lebih baik dan selesa setanding dengan negara maju. Bila ditanya masalah yang dihadapi oleh golongan remaja di Perumahan Awam DBKL, seperti gangsterism, lepak, dan jenayah, beliau memberitahu pelbagai masalah itu perlu ditangani bukan sahaja oleh DBKL semata-mata, tetapi semua pihak yang terlibat, termasuk badan bukan kerajaan, persatuan penduduk, rukun tetangga, ibu bapa dan golongan remaja tersebut perlu memainkan peranan yang proaktif dan berusaha bersama-sama menyelesaikannya.

"Semua kakitangan JPP perlu sedia menerima kritikan dan teguran sebagai satu cabaran untuk memperbaiki kelemahan yang wujud dalam mempertingkatkan perkhidmatan kepada orang ramai. Sebarang masalah dan cabaran perlu

BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Haji Salleh bin Yusup

Ketua Editor

Ramly bin Othman

Editor

Zainuddin bin Md. Zain

Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Ab Wahab bin Omar

Dolmat Md. Som

Pengedaran

Zurina bt Muda

Shamshidar bt Ibrahim

Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,

Peti Surat 11022,

50100 Kuala Lumpur

atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI

Tel. No. 03-2938166 sambungan 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat Bangunan – 2916011

DBKL

Aduan Awam DBKL – 2934531

Hot Line (24 jam) – 2911686

Perumahan – 2912112

Bhg. Penguatkuasaan – 2938166

Perumahan – smb. 125/126

Pej. Zon 1 – 9734513

Pej. Zon 2 – 2215505

Pej. Zon 3 – 4420340

Pej. Zon 4 – 6899563

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur

TIMBALAN PENGARAH

Jabatan Pengurusan Perumahan

Encik Ramly bin Othman, 47, selaku Timbalan Pengarah menggantikan tempat Tuan Haji Ayoub Hussin yang bertukar ke Jabatan Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak berkuatkuasa pada 16 Mei 2000. Sebelum ini beliau yang dilahirkan di Jalan Raja Uda, Kampung Baru itu bertugas di Jabatan Pengurusan Organisasi.

Beliau yang suka memancing dan menonton perlawanan bola sepak itu mendapat pendidikan awal di SK Jalan Raja Muda, Kampung Baru dan melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia hingga mendapat Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan. Selepas tamat pengajian di universiti, beliau bekerja sebagai Penolong Pengarah Lembaga Kemajuan Pelancongan Malaysia di Kuala Lumpur dan menjejaskan kaki di DBKL sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Kontrak dan Bekalan, Urusetia Bandaraya tahun 1980. Tahun 1985, berpindah ke Pejabat Cawangan Damansara, tahun 1989, Jabatan Seni Taman dan Rekreasi, tahun 1992, Jabatan Perkhidmatan Bandar dan tahun 1994, Jabatan Perkhidmatan Bandar.

Beliau yang berpengalaman luas itu pernah menghadiri mesyuarat Organisation of Islamic

Capital and Cities (OICC) di Tunisia tahun 1992. OICC mempunyai harapan besar dan dapat memainkan peranan dengan lebih wajar untuk memenuhi aspirasi negara anggota-anggota. Sumbangan OICC amat besar dalam menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi negara-negara anggota.

Wawasan beliau ingin melihat warga rumah pangsa mencapai taraf yang lebih baik dan selesa setanding dengan negara maju. Bila ditanya masalah yang dihadapi oleh golongan remaja di Perumahan Awam DBKL, seperti gangsterism, lepak, dan jenayah, beliau memberitahu pelbagai masalah itu perlu ditangani bukan sahaja oleh DBKL semata-mata, tetapi semua pihak yang terlibat, termasuk badan bukan kerajaan, persatuan penduduk, rukun tetangga, ibu bapa dan golongan remaja tersebut perlu memainkan peranan yang proaktif dan berusaha bersama-sama menyelesaikannya.

"Semua kakitangan JPP perlu sedia menerima kritikan dan teguran sebagai satu cabaran untuk memperbaiki kelemahan yang wujud dalam mempertingkatkan perkhidmatan kepada orang ramai. Sebarang masalah dan cabaran perlu



Encik Ramly Othman

diselesaikan secara perbincangan yang lebih kerap untuk memantapkan kualiti dan produktiviti kerja," ujar Encik Ramly Othman.

Beliau berkata, komitmen dan tumpuan yang lebih harus diutamakan memandangkan JPP merupakan jabatan terpenting dan banyak berurusan dengan orang ramai dan tonggak harapan DBKL untuk melihat golongan berpendapatan rendah terbela dan dapat menyewa rumah yang agak selesa. Cabaran yang timbul semua perlu dipertanggungjawabkan dan memainkan peranan masing-masing demi kebaikan bersama dan orang ramai.